

# rindu kepada ibu bapa

*Utusan Malaysia (Dalam Negeri) 12/5/2021 M/S 29.*

**PEKAN:** Bagi melepaskan rindu tidak pulang berhari raya bersama ibu bapa di kampung, penuntut **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** di sini membuat panggilan video bersama ibu bapa tercinta.

Penuntut Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dan Mekatronik (FTKPM), Saiyidatul Marsyitah Aisyah Suhaime yang berasal dari Melaka berkata, dengan cara itu, dia dapat melepaskan rindunya kepada keluarga di kampung terutama pada Hari Raya Aidilfitri.

“Memang sedih tidak pulang berhari raya bersama keluarga tapi dengan wabak Covid-19 yang semakin meningkat ketika ini, saya merasakan lebih baik saya tinggal di kampus dan berhari raya di sini.

“Carilah setiap hikmah dalam apa yang berlaku kerana kegem-

Saiyidatul Marsyitah Aisyah berkata, ibu bapanya yang juga petugas barisan hadapan juga terpaksa bekerja pada hari raya kerana kekurangan staf pada cuti umum.

Beliau dalam pada itu berkata, suasana kondusif di kampus dan kesibukan dalam menyiapkan tugas menjelang peperiksaan pada bulan depan menyebabkan terdapat sebahagian pelajar kekal di universiti serta membuat keputusan beraya di kampus.

“Agak berisiko untuk balik memandangkan peperiksaan akhir kebanyakannya dijalankan secara bersemuka. Selain itu, saya masih mempunyai mempunyai rakan-rakan yang lain di kampus.

“Kami akan berkongsi kuih raya yang dihantar oleh ibu bapa kerana bagi saya ini merupakan satu pengalaman dan memori